

Selasa – 15 September 2020

Halaman : 12

Penduduk Orang Asli Pos Gob terputus hubungan

GUA MUSANG — Kira-kira 500 penduduk Orang Asli di Pos Gob di sini terputus hubungan apabila tiga buah jambatan ke kawasan tersebut runtuh akibat kejadian banjir lumpur kelmarin.

Hujan lebat di kawasan itu turut menyebabkan kawasan pemenuhan dan tanaman rosak.

Penghulu Pos Gob, Uda Alang berkata, kejadian pada pukul 1 pagi itu menyebabkan semua penduduk kampung terpaksa menyelamatkan diri dengan mendaki bukit di kawasan berhampiran.

Katanya, sehingga semalam terdapat penduduk belum pulang ke rumah kerana takut dengan kejadian itu.

“Bagaimanapun, kami bersyukur, tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku walaupun penduduk masih terkejut dengan

kejadian terbabit.


“Terus terang, kami amat takut dan ini kejadian banjir lumpur terburuk yang pernah melanda Pos Gob,” katanya.

Seorang penduduk Orang Asli, Ali Gemuk, 47, pula berkata, dia terkejut apabila melihat paras air sungai yang naik mendadak.

Ujarnya, penduduk kampung juga mengalami kerugian teruk apabila berlaku kemasuhan tanaman termasuk pokok pisang dan pokok ubi kayu sebagai makanan harian mereka.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Nenggiri, Ab. Aziz Yusoff ketika dihubungi berkata, pihaknya telah menerima maklumat daripada Orang Asli yang terlibat.

Katanya, bantuan yang sewajarnya akan diberikan kepada penduduk terlibat.



TANAMAN pisang penduduk Orang Asli musnah dilanda banjir lumpur di Pos Gob, Gua Musang semalam.